



PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH WISMA DARUL AMAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BIL.3 TAHUN 2015 (Garis Panduan Bagi Pelaksanaan Pendaftaran Kontraktor Kerja/ Pembekalan/ Perkhidmatan Dan Firma Perunding Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman)

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Adakah Kontraktor pembekalan/perkhidmatan yang dikenakan caj pendaftaran dibawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil 3 2015 dipara 3.2.1 hanya dikenakan kepada Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan bertaraf Bumiputera sahaja?
 - + Bagi Perolehan Bekalan/Perkhidmatan secara pembelian terus, pembekal hanya perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tetapi tidak perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan terbuka kepada Bumiputera atau bukan Bumiputera **(Rujuk Perkara 5 (vi) (i) PK 2/2013, AP 173.1, AP 190(a))**
 - + Perolehan Bekalan/Perkhidmatan melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00 setahun atau satu-satu kontrak dilaksanakan secara sebutharga dikalangan sekurang-kurangnya tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, sama ada bertaraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera dengan kelonggaran seperti didalam PK 2/2013. **(Rujuk Perkara 5(vi) (ii) PK2/2013, AP 173.1 (b)).**
 - + Manakala perolehan bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM50,000.00 sehingga RM100,000.00 hendaklah dibuat secara pelawaan sebut harga dikalangan sekurang-kurangnya lima(5) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan bertaraf bumiputera. **(Rujuk Perkara 7 (iii)(a)(1) PK2/2013, AP 170.1(i)).**
 - + Bagi perolehan yang melebihi RM100,000.00 hingga RM500,000.00 setahun atau satu-satu kontrak hendaklah dipelawa secara sebut harga dikalangan pembekal tempatan yang berdaftar dengan SSM, kkm dan terbuka kepada Bumiputera dan Bukan Bumiputera. **(Rujuk Perkara 7 (iii) (a)(2) PK2/2013, AP 170.1(b))**
 - + Semua kaedah Perolehan lain yang dimaksudkan didalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil 3 Tahun 2015 adalah masih tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil 2/2013 dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

2. Apakah Syarikat Kontraktor Pembekalan/Perkhidmatan yang terkecuali dibawah caj pendaftaran ini.

- ✚ Semua Syarikat Pembekalan/Perkhidmatan utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Air Darul Aman (SADA), Syarikat Telekom Malaysia (TM), serta syarikat perkhidmatan perhotelan, Syarikat Penerbangan (Agensi Pelancongan tidak termasuk didalam pengecualian ini), Syarikat Touch N Go dan Syarikat pembekalan petrol dan diesel.

3. Berapakah nilai had perolehan Kontraktor Pekhidmatan/Pembekalan yang tertakluk kepada caj dibawah pekeliling ini.

- ✚ Had nilai perolehan yang dikenakan caj pendaftaran dibawah Pekeliling ini adalah RM5,000.00 dan keatas setahun atau satu-satu kontrak.

4. Adakah Kontraktor yang mempunyai tempoh kontrak melebihi setahun dikenakan bayaran untuk setiap tahun.

- ✚ Caj pendaftaran ini dikenakan bagi tempoh 01 Januari dan tamat tempoh pada 31 Disember setiap tahun. Mana-mana kontrak yang melebihi setahun perlu mendaftar dan menjelaskan bayaran semula.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai surat pekeliling ini pihak mana perlu dihubungi ?

- ✚ Sebarang kemusykilan, bolehlah menghubungi :

PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH
Unit Hasil
Aras 3, Blok E,
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar, Kedah.

Tel : 04 -774 4569 / 4579 / 4570
Faks : 04 -774 4578 / 733 0910

PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH
Unit Perolehan dan Pengurusan Aset
Aras 3, Blok E,
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar, Kedah.

Tel : 04 -774 4558 / 567
Faks : 04 -774 4578 / 733 0910